

KONSEP AS-SA'ADAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

ZAHIRATUN NAJIHAH BINTI ZAHARI
najihah5900@gmail.com

ABDUL MUKTI BIN BAHARUDIN
abdulmukti@kuis.edu.my

Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

As-sa'adah atau kebahagiaan itu fitrah bagi manusia yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. Ia adalah sesuatu yang perlu dicari dan diburu oleh manusia. Setiap manusia mengharapkan kebahagiaan dan tidak mampu untuk hidup dalam kesusahan. Oleh kerana itu, Allah s.w.t. telah menggariskan beberapa kaedah yang boleh diamalkan oleh seseorang muslim untuk meraih kebahagiaan dalam kehidupannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen bagi mengenalpasti kaedah-kaedah tersebut. Di antara cara-cara yang digariskan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran ialah yakin bahawa di sebalik kesulitan pasti ada kemudahan dan menjauhi sifat marah ketika menghadapi atau ditimpa musibah. Oleh itu, apabila cara-cara ini diaplikasikan dalam kehidupan umat Islam, mereka akan meraih kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kata kunci : *konsep, as-sa'adah, al-Quran*

PENDAHULUAN

As-sa'adah atau kebahagiaan itu fitrah bagi manusia yang dianugerahkan oleh Allah swt. As-sa'adah adalah sesuatu yang perlu dicari dan diburu oleh manusia. Jika ada manusia yang berkata, alangkah bahagiannya kalau aku tidak bahagia. Maka orang tersebut layak dihantar ke Hospital Bahagia. Kenapa? Kerana orang itu sudah tidak siuman. Setiap manusia mengharapkan kebahagiaan dan tidak mampu untuk hidup dalam kesusahan walau seminit pun.

Mereka akan rasa tidak senang hati dan gelisah jika kesusahan datang menimpa mereka. Bahkan, setiap perkara dilakukan oleh manusia adalah untuk mencapai kebahagiaan. Jauh dalam hati setiap manusia terdapat jiwa. Kebahagiaan abadi adalah kebahagiaan yang berada pada tahap tertinggi yang tidak bergantung pada apa sahaja yang lain. Dalam keadaan alam bawah sedar, kita tahu bahawa suatu bentuk kebahagiaan yang tertinggi, memang wujud dan kita berjuang untuk mencari keadaan semula jadi ini.

Justeru itu, di dalam kertas ini kajian akan memfokuskan kepada definisi as-sa'adah serta konsep as-sa'adah menurut perspektif al-Quran.

DEFINISI AS-SA'ADAH

Dari segi bahasa:

As-sa'adah (السعادة) merupakan masdar dari kalimah (يسعد - يسعد - سعادة) yang memiliki maksud kebahagiaan suasana tenang dan aman serta gembira. Kata as-sa'adah (bahagia) hanya disebut satu kali di dalam al-Quran, itupun berkaitan dengan syurga. Seakan-akan Allah S.W.T ingin menjelaskan bahawa tidak ada kebahagiaan di dunia, kebahagiaan hanya ada di syurga. Kehidupan dunia hanya boleh memberikan potongan kecil dari kebahagiaan, itupun hanya boleh diperolehi oleh orang yang beramal soleh. Namun banyak kalimah-kalimah lain yang digunakan di dalam al-Quran untuk menunjukkan maksud as-sa'adah.

ANALISIS KALIMAH AS-SA'ADAH DI DALAM AL-QURAN

Allah s.w.t menggunakan kalimah as-sa'adah pada beberapa tempat di dalam al-Quran. Kajian ini dibuat menerusi kitab Tafsir Ibnu Katsir.¹

AYAT	SURAH DAN NO. AYAT	ANALISIS AYAT	TAJUK
فَدَأْفَلْحَ الْمُؤْمِنُونَ ١	AL-MU'MINUN : 1	Mereka telah mendapatkan kemenangan, kebahagiaan serta memperoleh keberuntungan	Tujuh sifat yang menjadikan orang-orang mukmin beruntung.
أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٥	AL-BAQARAH : 5	Orang yang mendapat apa yang diinginkan dan yang selamat daripada kejahatan yang mereka jauhi	Sifat orang mukmin yang bertaqwa
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحَسَنٌ مَّا ب ٢٩	AR-RA'D : 29	Kegembiraan dan kesenangan, tempat kembali yang baik	Hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أَنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۚ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٩٧	AN-NAHL : 97	Ianya merupakan janji Allah s.w.t bagi orang yang mengerjakan amal soleh	Balasan bagi orang yang beriman dan beramal soleh
يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلِّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِآدَاتِهِ ۚ فَمَتَّعَهُمْ شَقِيًّا □ وَسَعِيدًا □ ١٠٥	HUD : 105	Di antara mereka yang berkumpul, ada yang celaka dan ada yang beruntung	Penjelasan tentang hari kiamat

¹ Ibnu Katsir. (2004). Tafsir Ibnu Katsir. Penerjemah, M. Abdul Ghoffar E.M., Abdurrahim Mu'thi, & Abu Ihsan Al-Atsari. Bogor. Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

<p>﴿وَأَمَّا الَّذِينَ سَعَدُوا فَفِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ عَطَاءٌ غَيْرَ مَجْدُودٍ ۝ ١٠٨﴾</p>	<p>HUD : 108</p>	<p>Pengikut-pengikut para rasul, tempat mereka adalah syurga dan mereka kekal di dalamnya</p>	<p>Tempat orang-orang yang berbahagia</p>
<p>إِنْ تُصِيبْكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِنْ تُصِيبْكَ مُصِيبَةٌ يَفْوُغُوا قَدْ أَخَذْنَا أَمْرَنَا مِنْ قَبْلُ وَيَتَوَلَّوْا وَهُمْ فَرِحُونَ ۝ ٥٠</p>	<p>AT-TAUBAH : 50</p>	<p>Allah s.w.t telah memberitahukan kepada nabiNya akan permusuhan mereka terhadapnya.</p>	<p>Hasadnya orang munafik terhadap orang beriman</p>
<p>يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ۝ ١٦</p>	<p>AL-MA'IDAH : 16</p>	<p>Jalan kejayaan dan keselamatan sekaligus sebagai jalan untuk beristiqamah</p>	<p>Al-Quran dan Rasulullah s.a.w adalah hujah Allah terhadap Bani Israil</p>
<p>وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ آيَةَ مُلْكِهِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ التَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَبَقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ آلُ مُوسَىٰ وَآلُ هَارُونَ تَحْمِلُهُ الْمَلَائِكَةُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ۝ ٢٤٨</p>	<p>AL-BAQARAH : 248</p>	<p>Tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t yang mereka ketahui lalu kalian merasa tenteram kepadanya</p>	<p>Bukti keberkahan kerajaan Thalut bagi Bani Israil.</p>
<p>وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرًا وَلِنُظَمِّنَنَّ بِهِ قُلُوبَكُمْ وَمَا أَلْنَصْرَ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ۝ ١٠</p>	<p>AL-ANFAL : 10</p>	<p>Jika tidak demikian, sesungguhnya Allah s.w.t Maha Mampu untuk memberi kemenangan kepada kalian atas musuh-musuh Islam.</p>	<p>Pertolongan Allah s.w.t terhadap kaum Muslimin</p>

KONSEP AS-SA'ADAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Menerusi ayat-ayat yang dianalisis di atas, dapatlah disimpulkan bahawa konsep as-sa'adah di dalam al-Quran mempunyai asas penting, iaitu :

- i. Beriman dan beramal soleh hanya kepada Allah s.w.t.

Perkara ini jelas dapat dilihat pada firman Allah s.w.t dalam surah al-Mukminun, ayat yang pertama:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝ ١﴾

Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman.

(Al-Mu'minun : 1)

Maka dapat difahami daripada ayat ini, sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman iaitu orang yang beriman yang tetap berjaya mencapai keselamatan dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak ialah orang-orang yang mengerjakan suruhan Allah s.w.t dan menjauhi laranganNya. Imam Ibnu Katsir di dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan:

Mereka telah mendapatkan kemenangan, kebahagiaan, serta memperoleh keberuntungan. Mereka itulah orang-orang mukmin yang bersifat dengan sifat-sifat berikut ini: Orang-orang yang khushyuk dalam solatnya, menjauhkan diri dari kebatilan yang mana hal itu mencakupi kemusyrikan sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian mereka, dan juga maksiat sebagaimana yang dikemukakan oleh orang lainnya, serta berbagai ucapan dan perbuatan yang tidak membawa faedah dan manfaat. Selain itu, menyucikan jiwa dari kemusyrikan dan kotoran serta orang-orang yang memelihara kemaluan mereka dari yang haram sehingga tidak terjerumus dalam hal-hal yang dilarang oleh Allah s.w.t baik dalam bentuk perzinaan mahupun liwat kerana perbuatan ini melampaui batas. Di samping itu, orang Muslim jika mereka diberi kepercayaan, maka mereka tidak akan mengkhianatnya tetapi mereka menunaikannya kepada yang berhak. Dan jika mereka berjanji atau melakukan akad perjanjian, maka mereka menepatinya, tidak seperti sifat-sifat orang munafik dan orang yang sentiasa mengerjakan sembahyang tepat pada waktunya.

Ciri-ciri yang terdapat pada setiap individu bagi orang-orang beriman iaitu sebagaimana yang diterangkan di dalam surah al-Mukminun :

- Khuyuk dalam sembahyang.
- Menjauhkan diri daripada perbuatan yang sia-sia
- Orang yang mengeluarkan zakat
- Orang yang menjaga kehormatannya.
- Orang yang menjaga maruah
- Orang yang menepati janjinya.
- Orang yang memelihara sembahyangnya.

Beriman dan beramal soleh hanya kepada Allah s.w.t diteguhkan lagi oleh firmanNya dalam surah ar-Ra'd:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحَسَنَ مَا أَجْرُهُمْ ۙ

29. Orang-orang yang beriman dan beramal soleh, beroleh kebahagiaan yang amat menggembirakan dan tempat kembali yang sebaik-baiknya.

(Ar-ra'd : 29)

Orang-orang yang beriman iaitu orang yang sempurna bukan setakat mempercayai apa yang perlu dipercayai sahaja, tapi kena tinggalkan fahaman syirik. Selain itu, iman bukan sahaja di mulut tapi perlu ditunjukkan dengan amalan. Dan amalan itu adalah amalan yang soleh, iaitu ada pada sunnah dari Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat serta bukan perkara yang bid'ah. Di samping itu, bagi mereka yang beriman dengan sempurna dan beramal dengan amalan sunnah, mereka akan mendapat kegembiraan dan mereka mendapat tempat pulangan yang baik. Iaitu surga yang mereka akan kekal di dalamnya dan tidak ada tempat yang lebih baik daripada syurga. Begitu juga dengan firman Allah s.w.t dalam surah An-Nahl:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۙ ٩٧

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

(An-Nahl : 97)

Di dalam ayat ini, Allah menggunakan lafaz حَيوة طيبة yang membawa maksud Allah s.w.t berjanji akan memberikan kehidupan yang bahagia dalam dunia kepada hambaNya baik laki-laki mahupun perempuan yang mengerjakan amal soleh iaitu segala amal yang mengikuti petunjuk al-Quran dan Sunnah rasul, sedang hati mereka penuh dengan keimanan.

ii. Menyakini bahawa ada hari dan kehidupan akhirat

Perkara kedua yang menjadi asas kepada konsep as-sa'adah ialah menyakini ada hari dan kehidupan akhirat. Firman Allah s.w.t:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٥

Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang berjaya.

(Al-Baqarah : 5)

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلُمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ١٠٥

(Pada) masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorangpun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Maka di antara mereka ada yang celaka dan ada pula yang berbahagia.

(Hud : 105)

﴿وَأَمَّا الَّذِينَ سَعَدُوا ففِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ عَطَاءٌ غَيْرَ مَجْذُوزٍ ١٠٨﴾

Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu sebagai pemberian nikmat yang tidak putus-putus.

(Hud : 108)

Dalam ketiga-tiga ayat ini menjelaskan bahawa menyakini ada hari dan kehidupan akhirat sangat penting dalam as-sa'adah.

Maksud bagi setiap ayat di atas diambil dalam kitab tafsir al-Jalalain iaitu:

(أُولَئِكَ) الموصوفون بما ذكر (عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ) الفائزون بالجنة الناجحون من النار

(Merekalah), yakni orang-orang yang memenuhi sifat-sifat yang disebutkan di atas (yang beroleh petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung) yang akan berhasil meraih syurga dan terlepas dari azab neraka.

(Kitab Tafsir Al-Jalalain, Al-Baqarah : 5)

(يَوْمَ يَأْتِ) ذلك اليوم (لَا تَكَلُمُ) فيه حذف إحدى التاءين (نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ) تعالى (فَمِنْهُمْ) أي الخلق (شَقِيٌّ وَ) منهم (سَعِيدٌ) كتب كل في الأزل.

(Di kala datang hari itu) sudah tiba saatnya (tidak dapat berbicara) lafaz *takallama* pada asalnya adalah *tatakallama*, kemudian salah satu huruf tanya dibuang sehingga jadilah ia *takallama* (seorang pun melainkan dengan izinNya) izin Allah s.w.t (maka

di antara mereka) makhluk (ada yang celaka dan) yang lainnya (ada yang bahagia) masing-masing telah dipastikan nasibnya di zaman azali.

(Kitab Tafsir Al-Jalalain, Hud : 105)

(وَأَمَّا الَّذِينَ سُعِدُوا) بفتح السين وضمها (ففي الجنة خالدين فيها ما دامت السموات والأرض إلا) غير (ما شاء ربك) كما تقدم، ودل عليه فيهم قوله (عطاء غير مجذوذ) مقطوع وما تقدم من التأويل هو الذي ظهر وهو خال من التكلف والله أعلم بمرادهز

(adapun orang-orang yang berbahagia) dapat dibaca *sa'iduu* atau *suiduu* (maka tempatnya di dalam syurga, mereka kekal di dalamnya selama ada langit dan bumi kecuali) melainkan (jika Rabbmu menghendaki) pentafsirannya seperti apa yang telah dikemukakan pada ayat terdahulu yang hal ini ditunjukkan oleh firman Allah yang selanjutnya, iaitu (sebagai kurnia yang tiada putus-putusnya) tidak pernah terputus, dan penakwilan yang terdahulu itulah penakwilan yang paling kuat kerana ia terlepas dari pengertian yang dipaksakan. Akhirnya hanya Allah jugalah yang Maha Mengetahui akan maksudnya.

(Kitab Tafsir Al-Jalalain, Hud : 108)

Jadi dalam as-sa'adah seseorang ialah dia perlu menyakini dan berpegang teguh dengan kepercayaan bahawa ada hari dan kehidupan akhirat agar hidup lebih bermakna serta mendapat pertolongan Allah s.w.t di dunia dan juga di akhirat kelak. Menguatkan keimanan kepada Allah dan membentuk takwallah

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَنْقَرُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٩٦

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

(Al-A'raf : 96)

Ini adalah janji Allah s.w.t kepada penduduk negeri tidak kira di mana sahaja. Dan sekiranya mereka beriman, Allah pasti akan membukakan pintu keberkahan dari langit dan bumi. Dan jika mereka kufur, maka Allah s.w.t akan mengazab mereka dengan kesengsaraan di dunia dan di akhirat. Allah juga berfirman dalam Surah Al-Maidah:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ١٦

Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

(Al-Maidah : 16)

iii. Ketaatan kepada Allah s.w.t

Allah tidak akan mengirim bala kepada hambanya yang taat kepada perintahNya. Umat Islam dituntut untuk melaksanakan amal ma'ruf nahi mungkar untuk mendapat keberkatan dan kesenangan hidup di dunia dan di akhirat. Ia juga sesuatu yang dituntut dalam Islam. Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Anfaal:

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلَنْظَمِينَ بِهِ فَلُوبُكُمْ وَمَا اللَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ١٠

Dan Allah tidak menjadikan (bantuan malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya dan kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Anfal : 10)

Konsep as-sa'adah ini di sokong dengan ayat 248 dalam surah al-Baqarah.

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ آيَةَ مُلْكِهِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ التَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَبَقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ آلُ مُوسَىٰ
وَأَٰلُ هَارُونَ تَحْمِلُهُ الْمَلَائِكَةُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّكُمْ إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ٢٤٨

Dan Nabi mereka mengatakan kepada mereka: "Sesungguhnya tanda ia akan menjadi raja, ialah kembalinya tabut kepadamu, di dalamnya terdapat ketenangan dari Tuhanmu dan sisa dari peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun; tabut itu dibawa oleh Malaikat. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda bagimu, jika kamu orang yang beriman.

(Al-Baqarah : 248)

KESIMPULAN

Secara mudah, kebahagiaan itu ialah memiliki hati yang tenang dalam menghadapi apa jua ujian dalam kehidupan. Inilah erti bahagia yang sebenar selaras petunjuk Allah swt di dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ar-Ra'd:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ٢٨

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

(Ar-Ra'd : 28)

Orang yang hatinya bahagia, tidak akan gembira yang melampau ketika meraikannya, manakala ketika sedih hatinya tenang mengawal diri supaya tidak bertindak malampau batasan agama. Lihatlah contoh terhebat kita, Rasulullah s.a.w. Baginda sendiri mengalirkan air mata apabila kematian putera hatinya Ibrahim sehinggakan ditegur oleh sahabat-sahabatnya. Tetapi baginda tidak berlebih-lebihan dan sentiasa menjaga akhlaknya. Kesedihan itu adalah fitrah manusia. Cuma hati yang bahagia itu tentunya tenang ketika berhadapan perkara menyedihkan. Ia menangis tetapi dalam batasan yang dibenarkan agama. Hatinya sentiasa ingat akan Tuhannya dan meredhai apa yang sedang melanda dirinya. Kerana itulah hati yang sentiasa tenang dikatakan hati yang bahagia.

RUJUKAN

- Al-Ghazali. (2001). *Kimiya as- Sa'adah, Kimia Ruhani untuk Kebahagiaan Abadi*, terj. Oleh: Dedi Slamet Riyadi & Fauzi Bahreisy. Jakarta . Zaman.
- Al-Qarni Aidh Abdullah. (2004). *Berbahagiaalah*. Terj. Oleh: Samson Rahman. Jakarta. Pustaka Al-Kautsar.
- Hamzah Ya'kub. (1980). *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mukmin*. Surabaya. Bina Imu.
- Ibnu Katsir. (2004). *Tafsir Ibnu Katsir*. Penerjemah, M. Abdul Ghoffar E.M., Abdurrahim Mu'thi, & Abu Ihsan Al-Atsari. Bogor. Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Jalaluddin Rakhmat. (2010). *Tafsir Kebahagiaan*. Indonesia. Serambi Ilmu Semesta.
- Prof. Dr. Muhaya Mohamad. (2011). *Bahagia & Membahagiakan*. Malaysia. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Rakhmat Jalaluddin. (2008). *Meraih Kebahagiaan*. Bandung. Simbiosis Rekatama Media.
- Sanusi Anwar. (2006). *Jalan Kebahagiaan*. Jakarta. Gema Insani.

- Syekh Muhammad Mukhtar As-Syinqithi. (2011). *Menggapai Hidup Bahagia*. Indonesia.
- Umar Hasyim. (1983). *Memburu Kebahagiaan*. Surabaya. Bina Ilmu.
- Wiradisuria. M. Sambas. (2011). *The Road to Happiness: Menggapai Kebahagiaan*. Indonesia. Khazanah Mimbar Plus
- Yuliana Saadah (2012) *Konsep Bahagia Dalam Al-Quran*. Bandung. Sunan Gunung Djati.
- Yulia Suliswidiawati. (2015). *Menggapai Hidup Bahagia*. Jakarta. PT Elex Media Komputindo.